

PSSLM sokong pertemuan Pak Lah

Dr Mahathir

G EORGETOWN: Kira-kira 840,000 ahli Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM) mengalu-alukan persetujuan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi berbincang mengenai apa yang disifatkan sebagai masalah dalam pentadbiran.

Mahaguru dan Pengasas PSSLM, Datuk Omardin Mauju, berkata pertubuhan itu yakin pertemuan berkenaan akan memberi faedah dan kesan yang sangat baik untuk umat Melayu di Malaysia.

"Kita nampak kesediaan Dr Mahathir berjumpa Pak Lah (Abdullah) yang sedikit sebanyak akan menjernihkan keadaan yang berlaku selama ini.

"Saya mewakili umat Melayu seramai 840,000 orang sangat berharap pertemuan ini dapat memberi tibesarbaik kepada bangsa dan negara, termasuk masyarakat di mata dunia," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir kelmarin mengenai persetujuannya untuk bertemu Abdullah.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata, cadangan mengenai pertemuan itu dikemukakan Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak), baru-baru ini dan beliau bersetuju dengannya.

Petang semalam, Abdullah menyatakan kesediaan beliau menemui Dr Mahathir sebelum Hari Raya seperti yang dinyatakan bekas Perdana Menteri kelmarin.

Walaupun enggan menyatakan tarikh dan tempat pertemuan itu, Abdullah berkata tiada syarat dikenakan pada pertemuan empat mata itu.

Omardin berkata, sebelum ini, PSSLM pernah menyuarakan pandangan agar Dr Mahathir dan Abdullah mengadakan satu pertemuan.

"PSSLM juga mengucapkan terima kasih kepada Mubarak kerana usaha yang dijalankan.

"Dalam Ramadan yang penuh berkat ini, kita juga mahu perjumpaan berkenaan turut membawa berkat kepada semua," katanya.